

# Konvoi Perpaduan Malaysia MADANI sebar patriotisme

## Jelajah berakhir di Melaka serah Jalur Gemilang di setiap KRT untuk semarakkan Bulan Kebangsaan

Oleh Ahmad Ismail  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Konvoi Perpaduan Malaysia MADANI yang bertujuan menghidup dan menyemarakkan Bulan Kebangsaan mampu memupuk semangat patriotisme dalam jiwa setiap lapisan masyarakat.

Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Datuk Che Roslan Che Daud, berkata konvoi yang disertai 66 orang itu melambangkan 66 tahun kemerdekaan negara akan mengagihkan Jalur Gemilang dan menyantuni rakyat di sepanjang laluan.

"Konvoi bertujuan menyemarakkan Bulan Kebangsaan dan sentiasa menghidupkan (suasana) dengan mengibarkan Jalur Gemilang.

"Kita akan serahkan Jalur Gemilang di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) supaya dapat bersama-sama mengibarkan Jalur Gemilang seiring hasrat kerajaan menyemarakkan Bulan Kebangsaan dengan pengibaran Jalur Gemilang," katanya kepada media pada majlis pelepasan konvoi itu di sini, semalam.

Pelbagai aktiviti diisi sepanjang program dua hari disertai 30 penunggang motosikal berkuasa tinggi itu antaranya kempen budi bicara #cakapbaik, penyampaian bakul Rahmah



dan gotong-royong. Bermula di Putrajaya, konvoi berkenaan akan melalui Sepang di Selangor, Kuala Pilah, Negeri Sembilan dan berakhir di Alor Gajah, Melaka.

### Tema 'pengorbanan'

Sementara itu, di Tangkak, semangat patriotik dan cintakan negara yang berkonsepkan Malaysia MADANI menjadi pencetus semangat kepada seorang penduduk untuk menyedarkan diri dan keluarganya dengan menghiasi halaman rumah dengan Jalur Gemilang dan binaan kreatif menjelang bulan kemerdekaan.

Omar Arif, 63, atau lebih mesra dipanggil Omar Patriotik dari Kampung Solok di sini, tidak mahu melepaskan peluang keemasan memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan tahun ini, menghias halaman rumahnya dengan Jalur Gemilang.

"Tahun ini, saya menggunakan tema 'pengorbanan' pada hiasan di halaman rumah dengan membina empat elemen iaitu Pondok Merdeka, Beca Merdeka, Meriam, Galeri



Pelepasan peserta konvoi Perpaduan Malaysia MADANI di Putrajaya, semalam. (Foto B)

Warisan Sejarah dan Menara Berkembar PETRONAS.

"Semua hiasan itu dibina daripada bahan terbuang dan terpakai dengan bantuan ahli keluarga yang turut menyumbangkan idea dalam menunjukkan perjuangan mengisi kemerdekaan bagi memastikan muhasabah diri tanpa sebarang penajahan hala tuju atau minda," katanya ketika ditemui di

kediamannya semalam.

### Hab sukun permotoran

Di Melaka, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) terbuka kepada sebarang perbincangan untuk meningkatkan sukan permotoran di negeri ini, kata Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Adam Adli Abdul Halim.

Beliau berkata, Melaka berpotensi menjadi hab sukan permotoran bukan sahaja di litar, malah acara berkonvoi berikutan negeri ini sering menjadi tumpuan penunggang motosikal dari dalam dan luar negara melakukan aktiviti terbabit.

"Perbincangan itu bukan sekadar mewujudkan hab, tetapi soal program dan penganjuran yang lebih banyak dilaksanakan di bawah Rakan Muda, semua ini boleh dilakukan di bawah program Litar Permotoran membabitkan motosikal dan kereta," katanya. Beliaul ditemui selepas Pro-

gram Konvoi Kembara Seri Setia Sempena Sa Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Melaka di Dataran Bandaraya MBMB dengan acara pe disempurnakan Yang I Negeri Melaka, Tun Mohd Rustam.

Adam Adli berkata, ini belum ada perbincangan permohonan secara rasmi kerajaan Melaka berkaitan jukdan hab sukan per berkenaan.

"Kita tiada masalah berbincang jika ada per yang tinggi dan permoho disalurkan kepada KBS tiada permohonan rasmi kerajaan negeri setakat in

"Jika ada cadangan, kibincang dan dilaksanakan per kesesuaian serta per yang ada. Saya percaya ke kerjasama dengan semua semuanya tidak mustah tanya.

**Konvoi Perpaduan Malaysia MADANI yang disertai 66 orang itu melambangkan 66 tahun kemerdekaan negara akan mengagihkan Jalur Gemilang dan menyantuni rakyat di sepanjang laluan**



Che Roslan Che Daud, Ketua Pengarah JPNIN



Omar hias halaman rumah dengan Jalur Gemilang dan binaan kreatif semarakkan Bulan Kebangsaan di Kampung Solok, Tangkak. (Foto Ahmad Ismail/BH1)



Mohd Ali diiringi Adam Adli melepaskan peserta Program Konvoi Kembara Merdeka Seri Setia Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Melaka di Dataran Bandaraya MBM semalam. (Foto II)